

SOALAN LAZIM
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021

A. PENJAWAT AWAM

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pelaksanaan		
1.	Siapakah penjawat awam yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56¹ dan ke bawah dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat pada 25 Januari 2021.</p> <p>Turut layak diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang merupakan pegawai lantikan tetap, sementara dan <i>Contract of Service</i>², pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 turut dipanjangkan kepada guru interim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya serta pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat</p>

¹ Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/Khas.

² Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		<p>kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut.</p> <p>Nota: Rujuk B.22 untuk pesara/penerima pencen yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021.</p>
Pegawai Bercuti Separuh gaji/ Tanpa Gaji		
2.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak.
Pegawai Peminjaman		
3.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Utama/Khas layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Jawatan Utama/Khas sama seperti pegawai memangku.</p>
Pegawai <i>Contract of Service</i>		
4.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sekiranya beliau berkhidmat mulai 14 Oktober 2020 hingga 13 Januari 2021 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021 (tarikh pembayaran).</p>
5.	Adakah seorang pegawai <i>Contract of Service</i> yang dilantik pada 1 April 2020 hingga 31 Mac 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak pemberian Bantuan Khas Kewangan 2021 dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021 (tarikh pembayaran).</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pekerja Sambilan Harian (PSH)		
6.	Adakah seorang Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang kontraknya 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini juga dipanjangkan kepada PSH tertakluk kepada syarat tempoh kontraknya yang sedang berkuat kuasa adalah sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am serta masih berkhidmat pada tarikh 25 Januari 2021 (tarikh pembayaran) tersebut.</p> <p>Tempoh Bekerja Dari Rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) boleh diambil kira dalam pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>
7.	Adakah PSH yang telah berkhidmat pada 15 November 2020 hingga 14 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021.</p>
8.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 1 September 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 30 November 2020, kemudiannya dilantik semula pada 1 Disember 2020 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Kontrak pegawai yang sedang berkuat kuasa (bermula 1 Disember 2020) memenuhi syarat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 3.2(i), Surat Arahan KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/1 (20) bertarikh 14 Disember 2020 dengan syarat pegawai masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021.</p> <p>Tempoh Bekerja Dari Rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) boleh diambil kira dalam pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
9.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 20 November 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 19 Januari 2021, kemudiannya dilantik semula pada 20 Januari 2021 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana tidak ada jurang (gap) di antara kontrak terdahulu dengan kontrak baharu dengan syarat pegawai masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021.</p> <p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kontrak yang tempoh jurang (gap) atas sebab Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>
10.	Seorang PSH telah dilantik pada 5 Oktober 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 4 Januari 2021. Beliau kemudiannya dilantik semula pada 6 Januari 2021 untuk tempoh 3 bulan. Terdapat 1 hari jurang (gap) antara kontrak lama dan kontrak baharu kerana urusan pentadbiran jabatan bagi pelantikan semula PSH tersebut. Adakah PSH tersebut layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) tersebut adalah munasabah iaitu untuk urusan pentadbiran pelantikan semula PSH tersebut di agensi yang sama dengan syarat pegawai masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021.</p> <p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan tempoh jurang (gap) yang munasabah bagi urusan pentadbiran pelantikan semula PSH terhadap kepada 1 atau 2 hari bekerja sahaja. Kontrak yang mempunyai tempoh jurang yang melebihi 2 hari bekerja tidak boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>
11.	Adakah PSH yang telah dilantik pada 6 September 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 5 Disember 2020, kemudiannya dilantik semula pada 30 Disember 2020 untuk tempoh 3 bulan lagi layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Tidak layak.</p> <p>Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 30 Disember 2020) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 3.2(i), Surat Arahan KPPA</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		<p>no. rujukan JPA.800-3/2/1 (20) bertarikh 14 Disember 2020.</p> <p>Tempoh kontraknya yang terdahulu tidak boleh diambil bagi pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) kontrak lama dan kontrak baharu melebihi tempoh munasabah yang ditetapkan (2 hari bekerja tempoh munasabah urusan pentadbiran pelantikan semula PSH).</p>
Inisiatif Short-term Employment Program (MySTEP)		
12.	Adakah PSH yang dilantik di bawah MySTEP layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 layak diberikan kepada PSH yang dilantik semula di bawah program MySTEP tertakluk kepada syarat tempoh kontraknya yang sedang berkuat kuasa adalah sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am serta masih berkhidmat pada tarikh 25 Januari 2021 (tarikh pembayaran) tersebut.</p> <p>Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu sebagai PSH boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut sekiranya tidak ada jurang (gap) di antara kontrak terdahulu dengan kontrak baharu di bawah MySTEP.</p> <p>Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan tempoh jurang (gap) yang munasabah bagi urusan pentadbiran pelantikan semula PSH kepada MySTEP terhad kepada 1 atau 2 hari bekerja sahaja. Kontrak yang mempunyai tempoh jurang yang melebihi 2 hari bekerja tidak boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		Tempoh Bekerja Dari Rumah semasa Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6(2) boleh diambil kira dalam pengiraan 30 hari berturut-turut.
13.	Adakah pegawai lantikan MySTEP yang dilantik bermula pada 1 Januari 2021 dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Tidak layak. Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 1 Januari 2021) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 3.2(i), Surat Arahan KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/1 (20) bertarikh 14 Disember 2020.
14.	Adakah seorang PSH yang telah dilantik pada 1 Oktober 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 31 Disember 2020 kemudian dilantik semula sebagai MySTEP pada 4 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak. Tempoh perkhidmatan kontrak terdahulu boleh diambil kira bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut kerana tidak ada jurang (gap) di antara kontrak terdahulu dengan kontrak baharu dengan syarat pegawai masih berada dalam perkhidmatan pada 25 Januari 2021. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kontrak yang tempoh jurang (gap) atas sebab Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am bagi melengkapkan pengiraan 30 hari berturut-turut.
15.	Adakah seorang PSH yang telah dilantik pada 1 September 2020 dan tamat tempoh perkhidmatan selama 3 bulan pada 30 November 2020 kemudian dilantik semula sebagai MySTEP pada 4 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Tidak layak. Pegawai tidak layak Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana kontraknya yang sedang berkuat kuasa (kontrak mulai 4 Januari 2021) tidak memenuhi tempoh 30 hari berturut-turut seperti yang ditetapkan oleh perenggan 3.2(i), Surat Arahan KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/1 (20) bertarikh 14 Disember 2020.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
		Tempoh kontraknya yang terdahulu tidak boleh diambil kira bagi pengiraan 30 hari berturut-turut kerana jurang (gap) kontrak lama dan kontrak baharu melebihi tempoh munasabah yang ditetapkan (2 hari bekerja tempoh munasabah urusan pentadbiran pelantikan semula pegawai).
Pelantikan Dalam Perkhidmatan		
16.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak. Walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza, pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 dan akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai itu berkhidmat.
Hukuman Tatatertib		
17.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 10 Januari 2021 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/ Jabatan layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Tidak layak. Pegawai tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana hukuman amaran adalah turut merupakan salah satu daripada jenis hukuman tatatertib mengikut Perkara 38, P.U.(A) 395 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
18.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2020 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020?	Layak. Pegawai layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana hukuman tatatertib berkenaan telah dijatuhkan pada tahun 2020 dan bukannya tahun 2021 walaupun pelaksanaannya melangkaui ke tahun 2021.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan		
19.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 25 Januari 2021 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak. Pegawai layak menerima Bantuan Khas Kewangan 2021 sebanyak RM600 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
Pengkorporatan/ Penswastaan dan Pengasingan		
20.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).
Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan		
21.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Tidak layak. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 25 Januari 2021 tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.

B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
Pesara		
22.	Siapakah pesara yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 25 Januari 2021 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri; ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan; dan iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. iv) Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara mengikut opsyen umur persaraan sahaja (55 tahun, 56 tahun, 58 tahun atau 60 tahun).
23.	Siapakah Penerima Pencen yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Penerima pencen yang layak adalah penerima pencen perkhidmatan, pencen hilang upaya, pencen terbitan dan pencen tanggungan, pencen orang tanggungan, elaun tanggungan, elaun bersara dan elaun bersara terbitan sehingga 25 Januari 2021.
24.	Adakah penerima pencen terbitan turut layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	<p>Layak.</p> <p>Bagi penerima pencen terbitan yang lebih daripada seorang Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 akan dibayar berdasarkan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.</p>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
25.	Adakah pegawai yang bersara selepas 25 Januari 2021 layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak dibayar dengan kadar Penjawat Awam sebanyak RM600.00.
26.	Adakah pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak. Pesara yang menerima pencen / penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021.
27.	Siapakah pesara / penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah: i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran; ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik; iii) Perkhidmatan sebagai Hakim; iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak); v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3- Pengurusan Wang Awam; vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/ Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 25 Januari 2021; dan vii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS).

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
28.	Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaaan atau pengkorporatan layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak sekiranya mereka adalah penerima pencen.
29.	Adakah pesara (merujuk kepada no.22) yang meninggal dunia sebelum 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 hanya akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan yang layak.
30.	Adakah pesara (merujuk kepada no.22) atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak. Pesara atau penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 25 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM300.00.
31.	Adakah pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service (COS)</i> dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak. Pesara yang dilantik semula secara <i>Contract of Service (COS)</i> dan masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM600.00. Pembayaran sebanyak RM300.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya RM300.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
32.	Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, Jabatan manakah yang akan membuat bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada pesara tersebut?	Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 hanya dibayar sekali sahaja sebanyak RM300.00. Pembayaran akan dibuat oleh JPA.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
33.	Adakah pesara yang bersara secara pilihan yang belum menerima pencen layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021?	Layak . Bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) tahun 2021 sebanyak RM300.00 turut diperluaskan kepada pesara yang bersara secara pilihan yang belum menerima pencen.